



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL)
SUKU TAHUN PERTAMA 2026**

**Pekerja sektor formal menerima median upah bulanan RM3,027
sebulan pada Mac 2026**

PUTRAJAYA, 29 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pekerja sektor formal menerima median upah bulanan RM3,027 sebulan pada Mac 2026, menurut **Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), Suku Tahun Pertama 2026**.

Dalam kenyataan hari ini, DOSM melaporkan pasaran buruh Malaysia kekal berada pada landasan yang positif dengan pertumbuhan guna tenaga yang berterusan. Keadaan ini dicerminkan oleh peningkatan jumlah pekerja formal warganegara kepada 7.05 juta orang pada Mac 2026, iaitu pertumbuhan 3.8 peratus tahun ke tahun berbanding Mac 2025.

Mengikut jantina, pekerja formal lelaki yang merangkumi 55.0 peratus atau 3.88 juta orang daripada jumlah pekerja formal warganegara menerima median upah bulanan RM3,064 pada Mac 2026, lebih tinggi berbanding pekerja formal perempuan yang menerima RM3,000. Pekerja formal perempuan pula mewakili 45.0 peratus atau 3.17 juta orang daripada keseluruhan pekerja formal warganegara.

Statistik upah mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa pekerja formal berumur 45 hingga 49 tahun terus merekodkan median upah bulanan tertinggi sepanjang suku tahun pertama 2026 (Mac 2026: RM4,100; Februari 2026: RM4,145; Januari 2026: RM4,156). Semua kumpulan umur mencatatkan pertumbuhan positif dalam median upah bulanan kecuali kumpulan umur di bawah umur 20 tahun pada Mac 2026. Pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi direkodkan dalam kalangan pekerja formal berumur 55 hingga 59 tahun, manakala median upah bulanan bagi pekerja berumur bawah 20 tahun kekal tidak berubah pada RM1,700 sejak Februari 2025.

Mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perlombongan & pengkuarian, hanya membentuk 0.5 peratus daripada keseluruhan pekerja formal warganegara, mencatatkan median upah bulanan tertinggi sebanyak RM9,678 pada Mac 2026. Sebaliknya, sektor

Pertanian yang mewakili 1.8 peratus daripada pekerja formal mencatatkan median upah bulanan terendah pada RM2,327, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun kepada 5.8 peratus dalam tempoh yang sama.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi pada RM4,527, diikuti Selangor iaitu RM3,445 dan Pulau Pinang iaitu RM3,064 pada Mac 2026. Sementara itu, Kelantan, Perlis dan Sabah mencatatkan median upah bulanan terendah masing-masing sebanyak RM1,827, RM1,855 dan RM2,082.

Sebanyak 7.9 peratus daripada keseluruhan pekerja formal warganegara menerima upah bulanan bawah RM1,700 pada Mac 2026, menunjukkan pengurangan sebanyak 2.0 mata peratus berbanding Mac 2025. Selain itu, analisis persentil menunjukkan bahawa 10 peratus pekerja formal Malaysia terendah menerima upah bulanan sebanyak RM1,700 atau kurang, manakala 10 peratus pekerja formal yang menerima upah bulanan tertinggi menerima sekurang-kurangnya RM11,500 sebulan. Perbezaan ini menunjukkan pekerja pada persentil ke-90 menerima lebih daripada enam kali ganda upah daripada kumpulan upah terendah, menggambarkan jurang upah antara mereka yang berpendapatan tertinggi dan terendah.

Secara keseluruhannya, pasaran buruh formal Malaysia terus menunjukkan prestasi yang kukuh dan berdaya tahan pada suku pertama 2026, disokong oleh pertumbuhan bilangan pekerja formal serta peningkatan median upah. Ke hadapan, DOSM akan terus memperkukuh penghasilan statistik pasaran buruh melalui integrasi pelbagai sumber data bagi menyediakan maklumat yang lebih komprehensif, tepat pada masanya dan berasaskan bukti untuk menyokong perancangan serta penggubalan dasar negara.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 JULAI 2026


Carta 1: Median Upah Bulanan, Januari 2025 – Mac 2026




Paparan 1: Median Upah Bulanan mengikut Jantina, Januari – Mac 2026




Carta 2: Median Upah Bulanan mengikut Kumpulan Umur, Januari – Mac 2026




Paparan 2: Median Upah Bulanan mengikut Aktiviti Ekonomi, Januari – Mac 2026



Paparan 3: Median Upah Bulanan mengikut Negeri dan Wilayah, Januari – Mac 2026



Carta 3: Taburan Pekerja Formal mengikut Skala Upah, Mac 2026





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT FIRST QUARTER 2026

Formal sector employees earned a median monthly wage of RM3,027 per month in March 2026.

PUTRAJAYA, July 29, 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported that the formal sector employees earned a median monthly wage of RM3,027 per month in March 2026, according to the **Employee Wages Statistics (Formal Sector) First Quarter 2026**.

In today's statement, DOSM reported that the Malaysia's labour market remained on a positive trajectory, supported by continued employment growth. This was reflected in the increase in the number of Malaysian formal employees to 7.05 million persons in March 2026, representing a 3.8 per cent year-on-year growth compared to March 2025.

By sex, male formal employees who accounted for 55.0 per cent or 3.88 million persons of the total Malaysian formal employees received median monthly wage of RM3,064 in March 2026, higher than female formal employees who received RM3,000. Female formal employees represent 45.0 per cent or 3.17 million persons of the total Malaysian formal employees.

Wage statistics by age group showed that Malaysian formal employees aged 45 to 49 years continued to record the highest median monthly wage throughout the first quarter of 2026 (March 2026: RM4,100; February 2026: RM4,145; January 2026: RM4,156). All age groups recorded positive growth in the median monthly wage except for the age group below 20 in March 2026. The highest year-on-year growth was recorded among employees aged 55 to 59 years, while the median monthly wage for employees aged below 20 years remained unchanged at RM1,700 since February 2025.

By economic activity, the Mining & quarrying sector, which accounted for only 0.5 per cent of all Malaysian formal employees, recorded the highest median monthly wage at RM9,678 in March 2026. In contrast, the Agriculture sector, representing

1.8 per cent of formal employees, recorded the lowest median monthly wage at RM2,327, reflecting a year-on-year increase of 5.8 per cent during the same period.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur recorded the highest median monthly wage at RM4,527, followed by Selangor at RM3,445 and Pulau Pinang at RM3,064 in March 2026. In contrast, Kelantan, Perlis and Sabah recorded the lowest median monthly wage at RM1,827, RM1,855 and RM2,082 respectively.

A total of 7.9 per cent of Malaysian formal employees earned monthly wage below RM1,700 in March 2026, which representing a decrease of 2.0 percentage points as compared to March 2025. Furthermore, percentile analysis revealed that the bottom 10 per cent of Malaysian formal employees received monthly wage of RM1,700 or less, while employees in the top 10 per cent earned at least RM11,500 per month. This disparity illustrates that employees in the 90th percentile earned more than six times than those in the lowest wage group, underscoring the prevailing wage gap between the highest and lowest earners.

Overall, Malaysia's formal labour market continued to demonstrate stable and resilient performance in the first quarter of 2026, supported by growth in the number of formal employees and an increase in median wages. Moving forward, DOSM will continue to strengthen the production of labour market statistics through the integration of multiple data sources to provide more comprehensive, timely and evidence-based information in support of national planning and policy formulation.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29th JULY 2026

Chart 1: Median Monthly Wage, January 2025 – March 2026




Exhibit 1: Median Monthly Wage by Sex, January – March 2026




Chart 2: Median Monthly Wage by Age Group, January – March 2026




Exhibit 2: Median Monthly Wage by Economic Activity, January – March 2026




Exhibit 3: Median Monthly Wage by State and Region, January – March 2026




Chart 3: Distribution of Formal Employees by Wage Scale, March 2026

